

Article Info:

Received Date: 26 October 2020

Accepted Date: 03 May 2021

Published Date: 04 May 2021

Corresponding Author: leehoiyeh@fskik.upsi.edu.my

Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak

Challenges faced by Visual Art Education with the Existence of Classroom Based Assessment in Primary School within District of Hilir Perak

Lee Hoi Yeh

Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

To cite this article (APA): Yeh, L. H. (2021). Challenges faced by Visual Art Education with the Existence of Classroom Based Assessment in Primary School within District of Hilir Perak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 46-57. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.5.2021>

ABSTRAK

Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD) merupakan satu bentuk pentaksiran yang berkesan memberi maklum balas kepada guru tentang kekuatan dan kelemahan murid. PBD mula diadaptasikan dalam pentaksiran Pendidikan Seni Visual (PSV) untuk mengesan pencapaian dan prestasi murid dalam aspek menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari sama ada dari segi kognitif, afektif dan psikomotor seiring dengan objektif mata pelajaran PSV secara menyeluruh dan berkesan. Namun, sejak budaya peperiksaan tradisional telah berakar umbi dalam sistem pendidikan Malaysia, perubahan kurikulum dalam aspek pentaksiran yang menenangkan aspek profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran telah mencabar kepercayaan para guru khususnya mata pelajaran PSV dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif dan tidak mempunyai satu sistem rubrik dan pentaksiran sempurna untuk menilai perkembangan serta prestasi murid-murid. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan dengan faktor yang dikaji dalam aspek pelaksanaan, kesediaan guru, bentuk-bentuk pengujian dan strategi pelaksanaan PBD dalam PSV melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian kes ini melibatkan responden sembilan orang guru mengajar PSV dan tiga orang pentadbir dari tiga buah sekolah yang berbeza lokasi di Hilir Perak. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih kurang bersedia dalam pelaksanaan PBD PSV yang selama ini sebagai mata pelajaran elektif dan tidak dititikberatkan. Kesimpulannya, isu guru kurang bersedia dalam pelaksanaan PBD khususnya guru bukan opsyen PSV merupakan cabaran dalam pelaksanaan PBD PSV di sekolah tidak dilaksanakan dengan sistematik dan konsisten. Justeru itu, kerjasama daripada semua pihak penting menyempurnakan cabaran dalam pengadaptasian sistem pentaksiran baharu dan autentik untuk mata pelajaran PSV.

Kata kunci: Pendidikan Seni Visual, Pentaksiran Bilik Darjah

ABSTRACT

Classroom-based Assessment (CBA) is an effective form of assessment that provides feedback to teachers on students' strengths and weaknesses. CBA began to be adapted in the assessment of Visual Arts Education (VAE) to track their achievement and performance in term of using knowledge and skills they have learned to develop the students in the aspect of cognitive, affective and psychomotor comprehensively and effectively in line with the objectives of VAE. Since the traditional examination culture has rooted in Malaysian education system, the

curriculum changes in assessment that emphasise the profile, achievement, development and engagement of students in the learning process have challenged the belief among the teachers, especially VAE is acknowledged as elective subjects that does not have a perfect rubric and assessment system to assess the development and performance of students. Hence, this study aims to identify the relevance of factors in the aspects of implementation, teacher readiness, forms of assessment and strategies of assessment in VAE through interviews, observations and documents analysis. This case study involved twelve respondents of nine teachers teaching in VAE and three administrators from three schools with different locations in the district of Hilir Perak. The results show that most teachers are still in adequacy of readiness in the implementation of CBA of VAE which is categorised as elective and not emphasised since then. In conclusion, the issue of teachers not being ready in the implementation of CBA, especially among the teachers who are not specified in VAE is a challenge for them to implement the CBA of VAE in school systematically and consistently. Therefore, cooperation from all parties is important to overcome the challenge in adapting a new and authentic assessment system for VAE.

Keywords: Visual Arts Education, Classroom-based Assessment

PENGENALAN

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan pendidikan tidak dapat dipisahkan kerana maklumat yang dikesan melalui pentaksiran bagi guru membuat keputusan untuk menjalankan pedagogi yang bersesuaian dengan kebolehan murid. Peranan dan kepentingan pelaksanaan PBD dalam sistem pembelajaran telah meningkatkan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran dan keberhasilan murid (Tan & Kenayathulla, 2020). Melalui pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru dengan penggunaan instrumen yang sesuai, guru dapat mengesan punca-punca kelemahan murid serta membuat perancangan aktiviti dan bahan-bahan pengajaran yang lebih efisien (Juliana George Jette & Mohd Hamzah, 2020). Atas kepentingan PBD dalam dunia pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dilihat sangat menitikberatkan pemahaman dan penerapan budaya pentaksiran yang menekankan perbezaan individu dalam kalangan pendidik diperingkat sekolah rendah dan menengah.

Selari dengan transformasi pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia menitikberatkan pendidikan berdasarkan hasil yang memusatkan murid dan tidak berorientasikan peperiksaan (KPM, 2012). Oleh itu, KPM telah menekankan agar penggunaan PBD dapat diperaktikkan secara meluas dalam pendidikan bagi membina imej baharu bahawa pentaksiran bukan berorientasikan peperiksaan malahan ia menekankan perbezaan individu. Sekaligus hasil ini dilihat dapat menjadikan sekolah lebih berdaya saing dan menjadi lebih produktif.

Bagi merintis perubahan dan pembaharuan, KPM telah melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bertujuan untuk menambahbaik, memantap dan memperhalus amalan pentaksiran dan penilaian pendidikan di Malaysia. Sistem baharu ini bersifat holistik dari segi perkara ditaksir, kaedah mentaksir, pentasir serta perkara dilaporkan dan pengiktirafan (Jankowski, Timmer, Kinzie & Kuh, 2018; Lewin & Shoemaker, 2011). Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21 dan seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat (Pellegrino, 2017).

Pentaksiran adalah proses atau kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang murid, program atau objek (Wong, Baars, de Koning, van der Zee, Davis, Khalil, Houben & Pass, 2019), melibatkan proses mensintesis dan mentafsir maklumat untuk membantu membuat keputusan di bilik darjah termasuk pengurusan bilik darjah, pendidikan, pembelajaran dan rancangan murid (Reynolds & Kearns, 2017). Pendidikan Seni Visual bermatlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Sehubungan itu, guru perlu mengubah suai kaedah dan cara menilai prestasi murid dengan menggunakan instrumen yang sesuai untuk pentaksiran yang berkesan (Hayes, Christie, Mills & Lingard, 2020). Melalui pentaksiran menggunakan instrumen yang sesuai, guru dapat mengesan punca-punca kelemahan murid.

Bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV), pentaksiran lebih menjurus dan fokus pada tahap kemahiran serta keupayaan murid dalam menghasilkan sesebuah karya atau produk dengan

menggunakan bahan, peralatan dan media yang mampu disediakan. Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual, pentaksiran PSV harus melibatkan kefahaman kognitif, psikomotor dan afektif. Kefahaman kognitif meliputi kefahaman asas seni reka, teknologi bahan, bentuk gubahan, alat serta kemasan dan penghargaan. Manakala psikomotor adalah penilaian proses dalam penghasilan bahan dan afektif merupakan perlakuan dan sikap murid.

Guru Pendidikan Seni Visual berperanan sebagai guru pembimbing, pentaksir sekolah dan pengurus pelaksanaan PBD Pendidikan Seni Visual. Sebagai pentaksir sekolah, guru perlu melakukan pentaksiran secara berterusan dan memaklumkan pencapaian semasa calon (Iqbal, 2017). Justeru, kualiti guru PSV khususnya pengetahuan dalam aspek penskoran dan kemahiran mereka mengendalikan pentaksiran boleh mempengaruhi pelaksanaan PBD Pendidikan Seni Visual. Menurut Tan (2010), faktor kesediaan guru, akauntabiliti guru, peranan pentaksir kawasan dan tahap kompetensi guru khususnya cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran sering menjadi isu pelaksanaan PBD.

Prinsip kesahan dan kebolehpercayaan menjadi perkara penting dalam menjalankan pentaksiran (Ghosh, Bowles, Ranmuthugala & Brooks, 2017) dan penentu kepada pentaksiran autentik. Bagi meningkatkan kesahihan, pentaksiran perlu diuruskan secara objektif, mengikut prinsip, mengambil kira kaedah, penskoran, beretika dan mempunyai ekuiti, dan tidak boleh dilakukan secara sambil lewa. Pentaksiran PSV juga perlu berkesan, boleh dipercayai, rapi dan adil untuk semua murid. Oleh hal yang demikian, proses pentaksiran PSV perlu dijalankan berdasarkan keperluan murid, falsafah, matlamat dan objektif kurikulum pelajaran tersebut, mentaksir apa yang telah diajar dan dipelajari oleh murid seterusnya menggunakan metodologi yang relevan dalam proses pentaksiran.

PBD PSV dirancang, dipantau dan dikawal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Namun, perancangan di peringkat pusat perlu disesuaikan pelaksanaannya di peringkat sekolah kerana persekitaran dan latar belakang murid yang berbeza. Penyelarasan pelaksanaan dan skor yang diberi di peringkat sekolah yang dipiawaikan juga adalah suatu bentuk standardisasi yang terpesong daripada kaedah pentaksiran autentik. Menurut Mokhtar Ismail (2009), dari segi amalan, PBD paling sukar diselaraskan seluruh negara kerana keputusan akhir peperiksaan bentuk ini mesti dipastikan ketekalannya. Hasil pentaksiran guru perlu diselaraskan dan guru juga mempunyai tugas lebih berat dalam membuat permarkahan. Lantaran itu, masalah kawalan mutu produk perlu diberi perhatian apakah yang benar dilakukan oleh murid di dalam bilik darjah (Jankowski, et al., 2018). Semasa pelaksanaan proses pentaksiran, murid seharusnya dinilai secara telus bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki tanpa adanya tekanan dan kawalan dari pelbagai pihak (Azizi Ahmad, 2010).

Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mula dikenali pada tahun 2016 merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid (KPM, 2018). PBD merupakan salah satu komponen dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBD merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBD, mekanisma penyelaras dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

Pelaksanaan PBD yang berpusatkan murid dan tugas yang terbuka (open-ended task) telah ditekankan dalam kurikulum di Finland. Pelaksanaan kurikulum kebangsaan di Finland memperlihatkan pihak pembuat dasar memberi kuasa autonomi sepenuhnya kepada guru-guru sekolah untuk menentukan proses pengajaran, membentuk dan menguruskan sendiri semua pentaksiran yang telah dilakukan. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menyediakan instrumen merangkumi piawai, kriteria, panduan dan peraturan. Sekolah akan merancang, mentadbir, melakukan pentaksiran dan melaporkan keputusan murid. PBD Pendidikan Seni Visual akan mentaksir proses dan produk iaitu

mengamalkan konsep pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran kepada pembelajaran. Sehubungan itu, guru disyorkan supaya melaksanakan pentaksiran kriteria yang spesifik untuk semua mata pelajaran pada setiap peringkat gred.

PBD secara tidak langsung telah lama dilaksanakan dalam kalangan guru di sekolah dalam bentuk kerja rumah, soal jawab, projek, kuiz dan sebagainya. Konsep PBS yang baru dicadangkan pada tahun 2005 melalui ‘*International Colloquium on Educational Assessment: East Meet West*’ memberi perhatian kepada kesimbangan antara pentaksiran yang dikendalikan oleh pusat dan sekolah. Konsep tersebut dilaksanakan melalui penggabungan hasil Pentaksiran Berasaskan Sekolah dengan pentaksiran dan peperiksaan pusat (KPM, 2018). Pada tahun 2016, Pentaksiran Berasaskan Sekolah mula dikenali sebagai PBD. LPM telah menetapkan prosedur yang perlu dikendalikan oleh guru-guru mata pelajaran untuk melaksanakan PBD di peringkat sekolah. Prinsip pentadbiran, perancangan, pelaporan dan penskoran merupakan konsep PBD.

Perancangan PBD pada peringkat sekolah merujuk kepada perancangan untuk mentaksir murid, kekerapan pentaksiran, masa pentaksiran dan individu yang terlibat dalam pentaksiran. Garis panduan PBD mata pelajaran yang perlu ditaksir oleh pihak sekolah mesti merangkumi perancangan yang melibatkan pembinaan atau pemilihan instrumen pentaksiran, pelaporan, penggredan dan penskoran. Usaha mengumpulkan maklumat pentaksiran merupakan tanggungjawab pentadbiran diperingkat sekolah. Pengumpulan maklumat pentaksiran ini dilaksanakan oleh pentaksir sekolah dalam pengurusan eviden murid dan pembelajaran murid. Ciri pelaksanaan PBD dikendali oleh guru berasaskan kriteria, menggunakan pelbagai kaedah, membolehkan tindakan susulan dilaksanakan, bersistematis, menekankan perkembangan individu dan bersifat formatif.

PBD bersifat terbuka dan telus dengan membolehkan murid mengetahui bagaimana dan di mana pentaksiran dilaksana, bila ditaksir dan mengetahui apa yang ditaksir (Koh, 2017). PBD juga bermatlamat untuk memajukan murid dari satu peringkat ke satu peringkat dengan memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan pencapaian dan memperbaiki skor mereka. Mereka akan lebih yakin untuk belajar tanpa ketinggalan jauh kerana diberi peluang untuk membuat penambahbaikan. Sehubungan itu, murid juga dapat dinilai melalui pelbagai aspek seperti perkembangan emosi, kemahiran dan nilai berbanding kriteria yang ditetapkan, kecerdasan dan juga memperbaiki pencapaian diri melalui konsep pentaksiran untuk pembelajaran.

PBD telah menjadi amalan pentaksiran yang bergerak seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Faktor populariti semakin meningkat menyebabkan kaedah alternatif mentaksir pencapaian murid diberi perhatian. Kesedaran para pendidik terhadap pentaksiran autentik dan memberikan autonomi kepada pendidik semakin dititikberatkan bagi memastikan kualiti keberhasilan murid meningkat serta dapat mengesan situasi dan tahap penguasaan murid sebenar. Justeru, cabaran dilihat bagaimana Pendidikan Seni Visual hari ini dapat mengadaptasikan transformasi dalam sistem pentaksiran agar dapat dikendalikan seiring proses pengajaran dan pembelajaran agar bersesuaian dan relevan dengan senario pendidikan abad ini.

Permasalahan Kajian

Setelah sekian lama PBD dilaksanakan, pelbagai persoalan timbul kerana sejarah dan budaya pendidikan negara menyukarkan pelaksanaan secara keseluruhan. Penekanan kurikulum sekolah adalah mengikut kehendak persekitaran komuniti (Madjapuni & Harun, 2019). Proses pelaksanaan pentaksiran PSV seharusnya dapat mengembangkan potensi murid secara menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses pelaksanaan pentaksiran PSV seharusnya dapat mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, namun menurut (Graham, 2019), pelaksanaan pentaksiran itu sendiri didapati tidak menggambarkan pengetahuan, kemahiran dan mencungkil potensi murid sebenar melalui proses pentaksiran. Sebaliknya, sebahagian besar pentaksiran hanya untuk mengesahkan pembelajaran melalui pentaksiran (Chang, Morsidi Sirat, & Dzulkifli Abdul Razak, 2018). Sehubungan itu, PBD diperkenalkan sebagai pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran agar dapat menggambarkan perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid dari semasa ke semasa.

Di Malaysia, sejak sekian lama pentaksiran dilakukan secara formal dan berpusat dan peperiksaan memainkan peranan dominan khususnya untuk tujuan memperolehi keputusan baik atau markah yang tinggi. Sehubungan itu, sebahagian besar guru masih berfikiran tradisional telah mengabaikan tujuan sebenar PBD yang menekankan pentaksiran dalam aspek profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran (Graham, 2019). PBD merupakan budaya pentaksiran yang lebih holistik dan seimbang dapat melengkapkan sistem pentaksiran tradisional yang menekankan perbandingan perbezaan individu dalam kalangan murid melalui markah dan prestasi dalam peperiksaan. Usaha ini juga merupakan transformasi utama dalam sistem pendidikan Malaysia yang meletakkan tuntutan baru kepada guru memahami amalan pentaksiran baru bagi melahirkan murid-murid yang berdikari pemikiran dan berdaya saing dalam dunia yang sering mengalami perubahan (Othman, 2019).

Sejak budaya peperiksaan tradisional telah berakar umbi dalam sistem pendidikan Malaysia, dilaporkan secara meluas bahawa pembaharuan kurikulum menyebabkan kegelisahan di dalam kalangan guru sekiranya perubahan yang dicadangkan mencabar kepercayaan mereka. Selama ini, mata pelajaran PSV dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif dan tidak mempunyai satu sistem rubrik dan pentaksiran untuk menilai perkembangan serta prestasi murid-murid dalam mata pelajaran tersebut (Abdullah, 2018). Menurut laporan Lee dan Mohd Zahuri Khairani (2018), pembaharuan kurikulum boleh menyebabkan kegelisahan di dalam kalangan guru sekiranya perubahan berkenaan mencabar kepercayaan mereka. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai proses pentaksiran (PBD) dalam situasi sebenar untuk mengenal pasti kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru mengajar PSV agar dapat menyelesaikan isu-isu dengan penyelesaian yang sesuai dan berkesan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan dengan faktor yang dikaji dalam aspek pelaksanaan, kesediaan guru, bentuk-bentuk pengujian dan strategi pelaksanaan PBD dalam PSV. Secara objektifnya, tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti kesediaan guru-guru PSV di Hilir Perak dalam melaksanakan PBD.
- b. Mengenal pasti proses dan strategi pelaksanaan PBD dalam kalangan guru PSV di Hilir Perak.

Persoalan

Berdasarkan tujuan kajian ini terdapat dua persoalan dibentuk sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a. Bagaimanakah guru mengajar mata pelajaran PSV bersedia melaksanakan PBD?
- b. Apakah proses dan strategi guru mengajar mata pelajaran PSV untuk melaksanakan PBD PSV?

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif untuk menjelaskan permasalahan kajian secara menyeluruh terhadap situasi sebenar. Pendekatan kajian ini telah membahukan hasil kajian yang lebih bermakna dengan penggunaan manusia sebagai alat kajian utama. Penyelidik dapat melakukan pemerhatian secara empati dengan melihat sesuatu dengan kaca mata penyelidikan (Dźwigoł & Baroaz, 2020). Pemilihan pendekatan kualitatif amat sesuai dengan penyelidikan yang bertujuan untuk melakukan penerokaan dan pemerhatian atas pelaksanaan PBD Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah. Kajian kes dapat mewujudkan batasan dari skop masa, tempat dan peserta kajian yang membolehkan kajian dijalankan secara menyeluruh dan mendalam. Kajian kes dalam kajian ini lebih bersifat heuristik dan deskriptif, berbentuk instrumental memberi peluang kepada penyelidik berinteraksi dengan responden, membuat pemerhatian, merapatkan diri serta mendapatkan data kajian secara bermakna dan mendalam (Heale., & Twycross, 2018). Penyelidik juga boleh memberikan fokus

secara terperinci tentang penyelidikan yang meneroka pelaksanaan PBD dalam PSV guru-guru di Hilir Perak sekolah rendah melalui pandangan serta pengalaman daripada pihak yang melibatkan diri dalam proses pelaksanaan PBD PSV. Penyelidik juga dapat mengetahui kekangan, keinginan, kepercayaan, keutamaan, motivasi, nilai dan persepsi serta keinginan daripada responden semasa melaksanakan PBD.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah kebangsaan di daerah Hilir Perak yang terdiri daripada sekolah luar bandar dan sekolah bandar. Pemilihan ketiga-tiga buah sekolah yang berbeza dari segi lokasi (luar bandar dan bandar) dan kategori sekolah (sekolah biasa dan sekolah cemerlang) mempunyai perkaitan dengan faktor yang akan dikaji. Responden yang dipilih dalam kajian ini melibatkan sembilan orang guru mengajar PSV sama ada guru tersebut merupakan guru opsyen PSV dan guru bukan opsyen PSV tetapi mengajar PSV serta dua orang pentadbir daripada dua buah sekolah rendah yang berbeza lokasi. Kaedah pemilihan responden adalah berbentuk persampelan bertujuan berdasarkan atasas keutamaan maklumat, dasar kepercayaan, serta boleh mendapatkan data yang diperlukan dengan memenuhi keperluan persoalan kajian, ditemu bual dan bersedia memberi kerjasama (Patton, 2002). Kaedah pelbagai telah digunakan oleh penyelidik untuk mengukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan merangkumi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data-data yang diperoleh diperkuatkan dengan bukti dan maklumat daripada kaedah dan sumber lain.

Tujuan temu bual dijalankan terhadap guru untuk mendapatkan keterangan secara mendalam terhadap proses pelaksanaan, kesediaan guru, bentuk-bentuk pengujian dan strategi pelaksanaan PBD dalam PSV yang digunakan. Temu bual juga dijalankan terhadap pentadbir sekolah untuk meneliti perbezaan antara pengurusan sekolah yang cemerlang dengan sekolah biasa yang mempengaruhi proses pelaksanaan PBD dalam PSV. Penyelidik dapat meneliti latar belakang guru, pengetahuan, sikap, kesediaan guru, serta strategi yang dilaksanakan oleh guru semasa pelaksanaan PBD dalam PSV. Perkara yang dikaji dapat memberi gambaran perkaitan yang berlaku dengan cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan PBD dalam PSV. Kaedah ini merupakan satu kaedah triangulasi data untuk mengesahkan data yang diperoleh daripada data kajian dokumen dan data pemerhatian.

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian kes yang dijalankan, penyelidik mendapatkan maklumat mengenai perkaitan dengan faktor yang dikaji dalam aspek proses pelaksanaan, kesediaan guru, bentuk-bentuk pengujian dan strategi pelaksanaan PBD dalam PSV yang digunakan melalui temu bual secara mendalam dengan guru-guru mengajar PSV serta pentadbir sekolah. Berikut merupakan perbincangan hasil dapatan kajian menjawab persoalan kajian yang dirumuskan sebagai cabaran yang dihadapi PSV dengan kemunculan PBD dari segi kesediaan guru PSV, proses dan strategi pelaksanaan PBD PSV.

Melalui persoalan kajian yang telah dinyatakan, beberapa perkara yang penting telah ditemukan dengan memenuhi tatacara guru mengajar mata pelajaran PSV dan persediaan melaksanakan PBD. Di samping itu, proses dan strategi guru mengajar mata pelajaran PSV untuk melaksanakan PBD PSV juga mampu untuk diperolehi.

Jadual 1. Rumusan dapatan kajian

Aspek	Dapatan
Penerimaan dan kesediaan	50% guru yang menghadiri kursus berpendapat mereka masih kurang bersedia dalam melaksanakan PBD
Pengetahuan	Sebahagian besar responden kurang memahami prosedur dan strategi yang sesuai dan berkesan untuk melaksanakan pentaksiran
Proses	Kurang aktiviti pemantauan proses pelaksanaan untuk mata pelajaran PSV Sebahagian guru dilantik dan dipertanggungjawab menguruskan proses PBD secara lisan sahaja Guru bukan opsyen tidak merujuk instrumen yang disediakan kerana tidak faham konsep dalam PSV
Strategi	Menebak peniruan dan demonstrasi untuk membolehkan murid menghasilkan karya atau produk seni berdasarkan apa yang ditunjukkan
Sikap	Kebanyakan guru tidak berkomitmen tinggi Guru bukan opsyen PSV lebih mementingkan mata pelajaran teras yang diajar

Berdasarkan jadual 1 di atas menunjukkan rumusan semua responden daripada temu bual yang menggambarkan masalah dan kekangan dalam proses pelaksanaan PBD PSV di dalam kelas. Masalah dan kekangan yang berlaku dalam proses pentaksiran dibahagikan kepada enam aspek merangkumi penerimaan dan kesediaan, pengetahuan, proses, strategi serta sikap guru semasa melaksanakan PBD. Dalam aspek penerimaan dan kesediaan guru dalam pelaksanaan PBD PSV adalah rendah walaupun telah menghadiri kursus. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan guru khususnya guru bukan opsyen PSV tidak berkomitmen tinggi dan lebih mementingkan mata pelajaran teras yang diajar. Sebahagian guru juga dilantik dan dipertanggungjawab menguruskan proses PBD secara lisan sahaja menyebabkan mereka kurang memahami prosedur dan strategi yang sesuai dan berkesan untuk melaksanakan pentaksiran. Kekurangan aktiviti pemantauan proses pelaksanaan juga merupakan salah satu faktor kekurangan memahami prosedur dan strategi pelaksanaan PBD PSV dalam kalangan guru mengajar mata pelajaran PSV. Aspek-aspek dalam rumusan responden temu bual akan dibincangkan selanjutnya.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Perubahan daripada sistem pentaksiran yang berpusat dan ‘one size fits all’ kepada sistem PBD yang menekankan elemen perbezaan antara individu dan mendorong perkembangan murid secara holistik bukanlah sesuatu yang mudah diterima oleh masyarakat dalam masa yang singkat. Inilah cabaran yang perlu diterima oleh para pendidik khususnya bagi subjek PSV. Berikut merupakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PSV dengan kemunculan sistem pentaksiran baharu, PBD di Malaysia.

Penerimaan dan kesediaan guru tentang pelaksanaan PBD di sekolah

Tahap kesediaan guru dari aspek sikap terhadap pelaksanaan PBD masih perlu dipertingkatkan (Chew & Muhamad, 2017). Walaupun terdapat banyak kursus latihan yang berkaitan dengan kemahiran melaksanakan PBD di sekolah atau kursus yang dikendalikan oleh pihak PPD dan secara dalaman di sekolah masing-masing, terdapat juga guru-guru yang masih keliru setelah menghadiri kursus kerana maklumat yang disampaikan oleh penceramah kurang jelas. Hasil kajian daripada temu bual menggambarkan terdapat 50% guru yang menghadiri kursus berpendapat mereka masih kurang bersedia dalam melaksanakan PBD di sekolah walaupun telah menghadiri kursus latihan yang dilaksanakan di peringkat PPD mahupun diperingkat dalaman *In House Training*.

Sokongan pihak pentadbir terhadap mata pelajaran PSV

Pelaksanaan PBD PSV yang berkualiti memerlukan perancangan pada peringkat awal. Persediaan antara pihak pentadbir dan guru perlu dititikberatkan sebelum pelaksanaan pentaksiran. Pengendalian PBD yang berkesan dapat memastikan murid mendapat kebaikan dan prestasi yang baik berdasarkan tahap penguasaan dan kemahiran yang ditunjukkan melalui eviden yang tersedia. Hasil kajian dalam aspek sokongan pihak pentadbir terhadap mata pelajaran PSV menunjukkan bahawa mata pelajaran teras khususnya bahasa, Sains dan Matematik lebih diberikan perhatian berbanding daripada mata pelajaran elektif. Pihak pentadbir memainkan peranan yang penting untuk memastikan pelaksanaan PBD dijalankan dengan lancar dan sistematis. Menurut Juliana George Jette dan Mohd Hamzah (2020), peranan guru besar amat penting dalam proses pemantauan agar pentaksiran PBD dapat berjalan dengan lancar. Kekurangan pemantauan pihak pentadbir dalam aspek perancangan, pengumpulan eviden atau hasil karya, perekodan skor dan dokumentasi merupakan faktor pengendalian PBD yang tidak selaras serta kewujudan sikap sambil lewa dalam proses pentaksiran dan tidak mementingkan pelaksanaan PBD.

Berdasarkan rumusan tentang hasil temubual terhadap proses dan strategi pelaksanaan PBD PSV, responden hanya mendapatkan informasi berkaitan konsep PBD PSV melalui taklimat ringkas daripada ketua panitia selepas mendapatkan maklumat melalui kursus profesionalisme berkaitan PBD. Namun, sebahagian besar daripada responden kurang memahami prosedur dan strategi yang sesuai dan berkesan untuk melaksanakan pentaksiran khususnya dalam aspek persediaan instrumen yang relevan serta kaedah pentaksiran bagi mata pelajaran PSV. Ketua panitia berperanan penting untuk membimbing dan memantau proses pelaksanaan PBD untuk mata pelajaran PSV melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dan aktiviti pemantauan supaya guru-guru bersedia dan melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan berkaitan pelaksanaan PBD secara efisien. Strategi pentaksiran perlu dipelbagaikan supaya strategi yang diaplikasikan adalah bersesuaian dengan kehendak murid bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran semasa itu. Hal ini disebabkan murid di dalam satu bilik darjah mempunyai tahap penerimaan yang berlainan terhadap bahan yang diberikan dan keadaan perbezaan individu dalam sesebuah bilik darjah. Kekurangan sokongan pentadbir dari aspek pembangunan profesionalisme dan pemantauan menfokuskan pelaksanaan PBD merupakan satu cabaran menjayakan pelaksanaan PBD yang dapat diadaptasikan dalam mata pelajaran PSV secara berkesan.

Kekurangan pendedahan tentang strategi dan proses pelaksanaan PBD serta aspek penskoran dan pelaporan perkembangan murid

Pelaksanaan PBD tidak telus atas faktor kekurangan pendedahan kepada PBD yang mendalam dalam kalangan guru mempengaruhi kesahihan hasil pentaksiran. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru yang mengendalikan PBD PSV adalah guru-guru bukan opsyen PSV dan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang PBS untuk mata pelajaran PSV. Menurut Abdul Said Ambotong dan Shanti Gobalakrishnan (2017), guru harus jelas objektif pembelajaran yang ditaksir yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan pencapaian untuk mencapai sasaran pembelajaran. Namun begitu, masih terdapat guru yang kurang jelas tentang kaedah penetapan objektif pembelajaran. Justeru itu, guru sukar mengesan keupayaan murid dan tidak mengubah strategi atau pendekatan pengajaran yang lebih efektif dan bersesuaian.

Proses menganalisis merupakan proses yang tidak boleh dikecualikan kerana fokus utama seseorang guru ialah muridnya. KPM telah membekalkan instrumen pentaksiran dan guru perlu bijak memilih instrumen yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid. Hasil kajian juga menunjukkan tidak semua guru yang menjalankan PBD PSV merupakan guru opsyen PSV dan mereka ini kurang pendedahan tentang pentaksiran dan pengetahuan terhadap memilih instrumen yang bersesuaian untuk mengesan keupayaan murid. Metz (2018) menyatakan pengetahuan tentang isi kandungan merupakan kategori pengetahuan yang paling utama. Namun, kebanyakan guru yang mengajar PSV terutamanya bukan opsyen PSV tidak merujuk instrumen yang disediakan kerana tidak faham dan juga lebih fokus kepada mata pelajaran teras sahaja.

Sebelum memulakan pelaksanaan pentaksiran, pihak pentadbir akan melantik seorang guru pembimbing dan biasanya ketua panitia. Guru berkenaan akan menghadiri kursus agar dibekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pelaksanaan PBD. Berdasarkan buku panduan pengurusan mata pelajaran PSV 2015, guru mata pelajaran atau guru pembimbing harus bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran mengikut garis panduan yang ditetapkan. Hasil kajian mendapat sebahagian guru dilantik dan dipertanggungjawab menguruskan proses PBD secara lisan sahaja. Situasi ini telah mewujudkan isu kekurangan pendedahan kepada pengetahuan berkaitan pelaksanaan PBD yang efektif dalam kalangan guru dan pentaksiran mata pelajaran elektif ini juga tidak dititikberatkan.

Menurut rumusan data yang dikumpulkan daripada temu bual, guru-guru mata pelajaran PSV dan guru pembimbing telah menghadiri kursus DSKP di peringkat daerah masing-masing dan ada sebahagian yang menghadiri kursus dalaman sekolah (*In House Training*). Kursus-kursus yang ditawarkan dapat membantu guru-guru memberi penskoran dan perkongsian idea kepada murid-murid di samping meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mereka tentang PBD agar PBD boleh dilaksanakan sehingga mencapai kualiti yang ditetapkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat guru yang tidak pernah diberikan pendedahan tentang PBD tetapi diberikan tanggungjawab untuk melaksanakannya. Mereka langsung tidak faham tentang PBD dan hanya mendapatkan maklumat berkenaan melalui rakan sekerja yang berlainan mata pelajaran ataupun melalui laman sesawang. Berdasarkan rumusan data, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan guru bukan opsyen PSV menekankan peniruan dan demonstrasi untuk membolehkan murid menghasilkan karya atau produk seni berdasarkan apa yang ditunjukkan telah menyekat perkembangan kreativiti mereka. Menurut Rofidah Musa, Muhamad Firdaus Ramli, Zainuddin Abindinhazir dan Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin (2019), kekurangan penguasaan kemahiran asas merupakan faktor menyekat kreativiti murid-murid semaa proses melakar. Ini juga merupakan cabaran guru bukan opsyen PSV mengajar mata pelajaran PSV yang kurang mahir dan kurang pengetahuan dalam PSV untuk meningkatkan penguasaan kemahiran asas seni dalam kalangan murid-murid. Selain itu, kekurangan pendedahan pengetahuan dan kemahiran PSV dalam kalangan guru bukan opsyen PSV juga mempengaruhi keberkesanan fungsi pentaksiran mengesan kelemahan dan kekuatan murid.

Sikap guru yang tidak mementingkan mata pelajaran PSV

Rumusan hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru tidak berkomitmen tinggi dalam usaha menggerakkan perubahan kurikulum PSV dalam aspek pentaksiran khususnya guru bukan opsyen PSV. Mereka tidak merujuk instrumen yang disediakan kerana tidak faham dan juga lebih fokus pada mata pelajaran teras sahaja. Banyak istilah dalam PSV tidak difahami oleh guru-guru dan mereka hanya menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang difahami oleh mereka sahaja semasa melaksanakan PBD. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru bukan opsyen mengajar mata pelajaran teras yang lain perlu juga merancang, memantau dan menguruskan perihal mata pelajaran yang lain diajar. Sehubungan itu, guru bukan opsyen PSV lebih mementingkan mata pelajaran teras yang diajar dan mengabaikan mata pelajaran PSV atas faktor bebanan tugas yang berlebihan terhadap mata pelajaran teras yang lain. Hal ini telah menyebabkan murid-murid kurang kreatif dalam proses menghasilkan karya seni atas faktor kekurangan kemahiran dan pengetahuan terhadap asas seni dalam kalangan murid. Bagi memenuhi kehendak mata pelajaran PSV, interaksi idea oleh guru mempengaruhi pengalaman artistik murid-murid (Muhamad Firdaus Ramli & Rofidah Musa, 2020). Sehubungan itu, sikap guru adalah penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menyediakan murid-murid pengalaman artistik yang berkesan agar mereka dapat berkembang sejajar objektif PdP PSV.

Guru yang profesional merupakan guru yang berilmu dalam bidang pengkhususan (content knowledge), berketerampilan dan mempunyai kemahiran dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang boleh dijadikan sebagai teladan dalam kalangan pelajarnya (Koh, Chai, & Lim, 2017). Justeru itu, personaliti guru merupakan salah satu faktor kejayaan dalam menjayakan pelaksanaan pengajaran kerana seseorang guru bertanggungjawab untuk melaksanakan dan merealisasikan misi dan objektif pelajaran yang berfokus kepada pembelajaran murid (Sukawati, Savitri, Taftania & Ratnasari, 2019). Guru berperanan untuk mengendalikan pentaksiran dan boleh

mempengaruhi kejayaan PBD dan kenyataan ini dapat dilihat melalui beberapa kajian lampau yang telah dijalankan sama ada di dalam atau luar negara (Abdul Zubir Abd Ghani, 2007; Begum & Farooqui, 2008; Berry, 2008; Chan, Gurnam Kaur Sidhu, & Md Rizal Md Yunus, 2009; Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaludin, 2007; Saedah Siraj, Muhammad Faisal A. Ghani, & Khatijah P. Konyalan, 2009; Tan, 2010) yang mengutarakan faktor guru dalam kajian mereka.

Penambahan bebanan guru dan kekangan masa menyediakan instrumen yang sesuai untuk pentaksiran

Faktor guru merupakan kejayaan bagi pelaksanaan PBD secara lancar (Anderson & Palm, 2018). Guru dianggap berjaya dalam melaksanakan PBD sekiranya dapat mengurus masa dengan berkesan, berkemahiran dan berpengetahuan yang berkaitan. Sepanjang masa ini, guru telah membiasakan diri dalam sistem pentaksiran berpusat dan kurang memberikan autonomi kepada pihak sekolah dalam proses mentaksir murid berdasarkan tahap dan kebolehan yang berlainan. PBD merupakan pentaksiran autentik dan memerlukan evideen atau bahan sokongan yang mencukupi agar guru dapat mentaksir apa yang telah diajar dan dipelajari oleh murid. Justeru itu, guru perlu merancang, menyediakan dan melaksanakan pentaksiran sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, guru kurang mahir dalam penggunaan bahan dan kurang pengetahuan untuk mencapai tujuan pembelajaran telah membebankan mereka khususnya mereka tidak dapat menyelesaikan sukanan pelajaran yang diberi dan memerlukan masa yang panjang untuk menyemak kerja murid (Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang, 2016).

Hasil dapatkan menunjukkan bahawa guru-guru PSV perlu memilih tajuk dan bidang yang bersetujuan dengan murid setiap kali sebelum menjalankan pemudahcaraan dan pembelajaran (PdPc). Empat bidang yang diajar oleh guru sepanjang tahun dalam mata pelajaran PSV iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. Keempat-empat bidang seni ini perlu diajar mengikut urutan dan tahap murid. Oleh itu, pemilihan tajuk merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi murid. Namun, guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran terutamanya guru-guru bukan opsyen PSV agak sukar memilih tajuk atas dasar kebolehan dan kesesuaian latar belakang muridnya. Oleh itu, guru perlu menganalisis murid terlebih dahulu dengan membuat senarai semak, menggunakan kaedah pemerhatian atau mendapatkan maklumat daripada orang lain sebelum menentukan sesuatu tajuk. Sekiranya guru bukan opsyen PSV dan perlu menguruskan mata pelajaran lain, bebanan tugas guru pasti ditambah berganda. Berdasarkan rumusan hasil kajian, sebahagian besar guru bukan opsyen PSV memerlukan masa yang lebih panjang semasa menyediakan instrumen dan bahan-bahan untuk proses PdPc dan pentaksiran. Penambahan bebanan tugas guru dan kerumitan pemilihan tajuk bidang PSV bagi seseorang guru bukan opsyen PSV merupakan satu cabaran yang besar. Sejajar peredaran masa, komitmen guru juga berkurangan dan bersikap sambil lewa khususnya dalam aspek pelaksanaan PBD, mempengaruhi keberhasilan dan kemenjadian murid ke arah pembelajaran yang berkualiti.

Jenis-jenis pentaksiran PBD yang digunakan dalam kalangan guru di sekitar Hilir Perak adalah berdasarkan pentaksiran rujukan standard yang telah ditetapkan oleh KPM. Dalam pentaksiran tersebut, guru-guru perlu menilai murid-murid dari segi standard kurikulum dan standard prestasi iaitu mereka perlu menetapkan hasil pembelajaran yang patut murid tahu dan mampu buat serta menentukan sejauh mana hasil pembelajaran atau prestasi seseorang murid mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam kurikulum standard. Namun, atas faktor bebanan tugas dan kekangan masa, kebanyakan guru tidak mengikut sepenuhnya standard prestasi yang ditetapkan oleh KPM menyebabkan mereka takut akan dipantau oleh pihak KPM jika memberi tahap yang terlalu tinggi atau tahap yang terlalu rendah kepada murid mereka. Justeru itu, wujud isu keberhasilan murid melalui PBD yang kurang autentik dan kurang menggambarkan situasi serta tahap penguasaan sebenar setiap murid.

Terdapat dua jenis pengukuran bagi menilai tahap kefahaman murid, iaitu melalui ujian formatif dan ujian sumatif. Sekolah yang menilai murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual biasanya menggunakan ujian formatif (Lee & Mohd Zahuri Khairani, 2018). Ujian ini dilaksanakan sepanjang pengajaran berlaku melalui pemerhatian terhadap maklum balas murid kepada guru bagi

mengesan kemajuan dan kelemahan. Selain guru ingin menyelesaikan sukanan pelajaran yang diberi, guru juga perlu menjalankan pentaksiran secara formatif di bilik darjah melalui pemerhatian, kuiz, lisan dan sebagainya untuk mengesan tahap penguasaan murid sebenar. Selepas pentaksiran, guru perlu mengambil masa panjang untuk menyemak kerja murid dan kebanyakannya guru bukan hanya mengajar satu mata pelajaran, oleh itu mereka kurang mementingkan PSV terutamanya dalam aspek pelaksanaan pentaksiran PSV atas faktor mereka beranggapan PSV merupakan mata pelajaran elektif.

Portfolio merupakan satu fail yang menyimpan semua maklumat pentaksiran murid dan kebanyakannya sekolah menyimpan dokumen dalam bentuk fail kertas. Justeru itu, guru-guru perlu memasukkan data dan maklumat peribadi setiap murid yang lengkap termasuk sampel hasil kerjanya. Portfolio lengkap wajib disediakan untuk setiap murid berserta hasil karya dan perkembangan mereka agar boleh dirujuk dari semasa ke semasa. Selain daripada sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, guru-guru perlu merancang dan membuat persediaan sebelum, semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran. Perubahan sistem pentaksiran konvensional kepada pentaksiran yang berasaskan eviden dan autentik yang memerlukan guru bersedia lebih berganda untuk menyempurnakan pelaksanaan pentaksiran secara berkesan.

Hal ini juga menyebabkan penambahan beban terhadap tugas-tugas guru lebih berganda disebabkan oleh persediaan instrumen yang bersesuaian semasa proses pentaksiran. Mereka juga menghadapi cabaran kekangan masa terutamanya guru bukan penghususan dan perlu merancang dan bersedia untuk lebih daripada satu mata pelajaran. Atas faktor ini, guru-guru perlu membuat pilihan khususnya keberatan di antara mata pelajaran teras dan elektif. Dalam sistem pendidikan yang masih berorientasi peperiksaan, mata pelajaran teras amat dititikberatkan. Sehubungan itu, peluang dalam proses menyediakan bahan instrumen yang bersesuaian dengan tahap penguasaan setiap murid secara teliti adalah hampir tidak mungkin.

KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa PBD merupakan sistem pentaksiran yang berbentuk autentik dan dapat merefleksikan keadaan sebenar seseorang murid dalam aspek tahap penguasaan terhadap sesuatu kemahiran dan pengetahuan PSV merupakan mata pelajaran yang menekankan perkembangan murid secara holistik dari segi psikomotor, kognitif dan afektif. Justeru itu, satu sistem pentaksiran yang autentik dan dapat mengesan perkembangan setiap individu dari semasa ke semasa amat diperlukan untuk mata pelajaran PSV. Bagi menjamin kualiti pelaksanaan PBD, mekanisme penyelaras dan pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dari segi skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Kesemua amalan guru dalam pelaksanaan PBD boleh dirujuk dalam tiga dimensi penting iaitu kesediaan guru, pelaksanaan PBD serta bentuk pengujian dan pengukuran bagi melaksanakan PBD dengan berkesan dan berjaya.

Guru merupakan agen perubahan dalam sistem pendidikan negara yang akan mempengaruhi keputusan khususnya murid dan rakan sekerja untuk beranjak ke arah yang dikehendaki oleh agensi perubahan (Vandeyar, 2017). Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakannya guru masih kurang bersedia dalam pelaksanaan PBD di sekolah dengan faktor kekurangan pengetahuan tentang PBD serta guru bukan daripada penghususan berkenaan (Kalai Selvan, 2020). Isu guru kurang bersedia dalam pelaksanaan PBD merupakan cabaran dalam pelaksanaan PBD PSV di sekolah tidak dilaksanakan dengan sistematik dan konsisten. Ketidaksediaan guru dalam mentaksir juga menjelaskan seluruh sistem pentaksiran dan kualiti pentaksiran yang boleh dipertikaikan oleh semua pihak. Faktor guru mempengaruhi kualiti dan kejayaan pelaksanaan PBD. Selain itu, kerjasama daripada semua pihak juga merupakan kunci kejayaan untuk menyempurnakan cabaran yang dihadapi dalam pengadaptasian sistem pentaksiran baharu dan autentik (PBD) untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang., & Shanti Gobalakrishnan. (2017). Tahap Integriti dan Kesediaan Guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *International Journal of Education, Psychology Counseling*, 2 (4), 1-22.
- Abdul Zubir Abd Ghani. (2007). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di kalangan guru tingkatan 3*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah, S. (2018). The emerging alternative practices in Malaysian art (1990s–2015). *Art & the Public Sphere*, 7(1), 25-41.
- Anderson, C., & Palm, T. (2018). Reasons for teachers' successful development of a formative assessment practice through professional development—a motivation perspective. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 576-597.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Begum, M., & Farooqui, S. (2008). School Based Assessment: Will it Really Change the Education Scenario in Bangladesh? *International Education Studies*, Vol. 1(No.2), 45–53.
- Berry, R. (2008). *School-Based Assessment in Hong Kong: Policies, Issues, and Practice*. Paper presented at the IAEA Annual Conference. Cambridge, UK.
- Chan, Y. F., Gurnam Kaur Sidhu., & Md Rizal Md Yunus. (2009). *School-Based Assessment Enhancing knowledge and best practices*. UPENA.
- Chang, D. W., Morsidi Sirat., & Dzulkifli Abdul Razak. (2018). *Education in Malaysia towards a developed nation*. ISEAS Yusof Ishak Institute.
- Chew, F. P., & Muhamad, N. (2017). Readiness of implementation of school-based assessment among the Malay language teachers in national schools. *Advanced Science Letters*, 23(3), 2169-2173.
- Dźwigoł, H., & Barosz, P. (2020). Observation as a Research Method in Social Science. *Zeszyty Naukowe. Organizacja i Zarządzanie/Politechnika Śląska*, (148 Contemporary management), 141-149.
- Fakhri Abdul Khalil., & Mohd Isha Awang. (2016). Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *EDUCATUM-Journal of Social Science*, 2(1): 1-7.
- Ghosh, S., Bowles, M., Ranmuthugala, D., & Brooks, B. (2017). Improving the validity and reliability of authentic assessment in seafarer education and training: a conceptual and practical framework to enhance resulting assessment outcomes. *WMU Journal of Maritime Affairs*, 16(3), 455-472.
- Graham, M. (2019). Assessment in the visual arts: Challenges and possibilities. *Arts Education Policy Review*, 120(3), 175-183.
- Hayes, D., Christie, P., Mills, M., & Lingard, B. (2020). *Teachers and schooling making a difference: Productive pedagogies, assessment and performance*. Routledge.
- Heale, R., & Twycross, A. (2018). What is a case study?.
- Iqbal, M. (2017). Effect of Continuous Assessment Techniques on Students' Performance at Elementary Level. *Bulletin of Education and Research*, 39(1), 91-100.
- Jankowski, N. A., Timmer, J. D., Kinzie, J., & Kuh, G. D. (2018). Assessment that matters: Trending toward practices that document authentic student learning. *National Institute for Learning Outcomes Assessment*.
- Juliana George Jette., & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 171-179.
- Kalai Selvan, A. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Koh, J. H. L., Chai, C. S., & Lim, W. Y. (2017). Teacher professional development for TPACK-21CL: Effects on teacher ICT integration and student outcomes. *Journal of Educational Computing Research*, 55(2), 172-196.
- Koh, K. H. (2017). Authentic assessment. In *Oxford research encyclopedia of education*.
- Lee, H. Y., & Mohd Zahuri Khairani. (2018). Pelaksanaan PBS guru-guru PSV Hilir Perak dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan estetik. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6, 1-10.
- Lewin, L., & Shoemaker, B. J. (2011). *Great performances: Creating classroom-based assessment tasks*. ASCD.
- Madjapuni, M. N., & Harun, J. (2019). Kemahiran Berfikir Kritis melalui Permainan Digital Dalam Persekutaran Pembelajaran Konstruktivisme Sosial. *International Journal of Education*, 4(28), 73-83.
- Metz, M. (2018). Pedagogical content knowledge for teaching critical language awareness: The importance of valuing student knowledge. *Urban Education*, 0042085918756714.

- Mohamad Azhar Mat Ali., & Shahrir Jamaludin. (2007). Amalan pentaksiran untuk pembelajaran di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27(1).
- Mokhtar Ismail. (2009). *Pentaksiran pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>
- Othman, J. (2019). Reform In Assessment: Teachers'Beliefs and Practices. *Journal of Teaching English for Specific and Academic Purposes*, 501-512.
- Pellegrino, J. W. (2017). Teaching, learning and assessing 21st century skills.
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020). An exploration of thematic sketch through visual arts activities towards the preschool children. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 132-143. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/3920>
- Reynolds, H. L., & Kearns, K. D. (2017). A planning tool for incorporating backward design, active learning, and authentic assessment in the college classroom. *College Teaching*, 65(1), 17-27.
- Saedah Siraj., Muhammad Faisal A. Ghami., & Khatijah P. Konyalan. (2009). Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) pada masa depan bagi mata pelajaran Sejarah: Satu Kajian Delphi. *Jurnal Pendidikan*, 29(2).
- Sukawati, N. N., Savitri, O. I., Taftania, S., & Ratnasari, Y. T. (2019). Teacher's Personalities, Performances, and Professionalism: A Descriptive Study. In *the 4th International Conference on Education and Management (COEMA 2019)*. Atlantis Press.
- Tan, A. M. (2010). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia: Kesediaan guru, isu, dan panduan pelaksanaan*. Selangor: Gerak Budaya Enterprise.
- Tan, Y. J., & Kenayathulla, H. B. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.
- Vandeyar, S. (2017). The teacher as an agent of meaningful educational change. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 17(2).
- Wong, J., Baars, M., de Koning, B. B., van der Zee, T., Davis, D., Khalil, M., & Paas, F. (2019). Educational theories and learning analytics: From data to knowledge. In *Utilizing learning analytics to support study success* (pp. 3-25). Springer, Cham.